

## **Petrografi dan Kimia Mineral Syenit Perhentian Kecil, Perhentian Kecil, Besut Terengganu**

Syenit Perhentian Kecil terdiri daripada pelbagai batuan igneus berjulat daripada komposisi syenit-monzonit-gabro. Mineral yang lazimnya wujud dalam syenit Perhentian Kecil terdiri daripada K-feldspar, plagioklas, hornblend, piroksen, kuarza, biotit, sfen, epidot, apatit, zirkon dan magnetit. Komposisi K-feldspar dalam syenit Perhentian Kecil hampir kepada ortoklas tulen dengan peratusan An kurang dari 1%. Komposisi plagioklas menjulat dari oligoklas-andesin ( $An_{27.2-37.3}$ ). Hornblend-magnesio adalah jenis amfibolit utama dan kristal menunjukkan pertambahan  $TiO_2$  dan  $Al^{IV}$  dan penurunan CaO dari pusat ke bingkai. Sela pengkristalan magmatik untuk hornblend dalam syenit Perhentian Kecil berjulat dari 660–780°C ( $\pm 70^\circ C$ ). Komposisi sfen dalam plot lapangan sfen igneus mempunyai kesamaan dengan batuan granit Banjaran Victoria, di pulau selatan New Zealand. Apatit boleh dibahagikan kepada bahagian yang cerah dan berkabus. Analisis kimia bahagian yang berkabus mengandungi  $SiO_2$ ,  $K_2O$ ,  $Fe^{tot}$  yang tinggi, dan BaO dan  $P_2O_5$  mempunyai julat yang luas dalam bahagian berkabus berbanding dengan bahagian yang cerah.

---